

02/11/2003

Selamat bersara Dr Mahathir dan selamat bertugas Pak Lah

SEJURUS selesai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima kelmarin, agensi berita asing langsung tidak berlengah dalam membandingkan perwatakannya dengan Tun Dr Mahathir Mohamad yang berundur selepas 22 tahun.

Dengan Dr Mahathir digambarkan sebagai antara pemimpin paling kontroversi dan `blunt-spoken maverick' (tokoh bersikap berterus-terang di luar batas kelaziman), Pak Lah pula dilakarkan mereka sebagai lebih berdiplomasi dan memiliki lebih kesantunan.

Namun, di sebalik kenyataan berlapik itu, persoalan turut dibangkitkan agensi berita asing terhadap keupayaan Pak Lah untuk memisahkan diri daripada `gergasi' yang membayangnya sejak empat tahun lalu.

Ringkasnya, belum pun panas kerusi Perdana Menteri didudukinya, Pak Lah sejak 16 bulan lalu lagi - dari detik Dr Mahathir mengejutkan ramai dengan pengumuman untuk melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti sebelum bersetuju menangguhkannya - awal-awal sudah diletakkan di bawah mikroskop.

Memang sudah menjadi resam apabila perubahan kepemimpinan berlaku, perbandingan tidak dapat dielakkan. Dalam pada itu, hakikat harus diterima bahawa tiada kaedah perbandingan yang dapat berlaku adil kepada kedua-duanya, apatah lagi dengan membezakan tempoh kepemimpinan Dr Mahathir selama dua dekad dengan Pak Lah yang baru hendak bermula.

Era kepemimpinan empat Perdana Menteri terdahulu menyerlahkan stail masing-masing yang berbeza-beza. Kesudahannya nanti barangkali sejarah yang dapat menghakimi sumbangan dan pencapaian setiap seorang daripada mereka secara lebih saksama.

Kalau pun perbandingan hendak dibuat pada peringkat ini, Sang Lamri hanya dapat merakamkan sanjungan tertinggi buat Dr Mahathir dalam memacu Malaysia ke tahap disegani sambil harapan amat besar disandarkan kepada Pak Lah dalam melestarikan kepemimpinan era generasi baru.

Kini peralihan kuasa lengkap sudah. Notis 16 bulan menjelang persaraan Dr Mahathir - yang suatu ketika dicanangkan oleh mereka yang buta hati sebagai sandiwara semata-mata - sebaliknya terbukti sebagai kaedah mewariskan kepemimpinan secara amat teratur dan terbaik boleh diharapkan.

Apa juga analisis agensi berita asing ketika ini tidak mungkin dapat mempengaruhi apa-apa walhal adalah jelas mereka hanya terdorong melihat kelembutan Pak Lah hingga tidak menyedari ketegasan dalam dirinya.

Begitu juga ketaksuban mereka untuk terus mensensasikan Dr Mahathir hingga terlindung penglihatan terhadap pengalaman luas Pak Lah dalam memastikan kesinambungan kepemimpinan cemerlang.

Selamat bersara Dr Mahathir dan selamat bertugas Pak Lah.